

## **SOALAN LAZIM**

### **Kempen Insentif CSR Caltex Rewards 2023**

**1. Apakah itu Kempen Insentif CSR Caltex Rewards 2023?**

Kempen ini adalah untuk:-

- i) Meningkatkan kesedaran CaltexGO dan Caltex Rewards di stesen
- ii) Mendorong pendaftaran & penggunaan CaltexGO di kalangan pelanggan sedia ada/ yang jarang datang supaya mendaftar untuk keahlian Caltex Rewards, jika mereka belum membuat demikian.
- iii) Memberi ganjaran kepada krew stesen kerana membantu pelanggan lebih memahami CaltexGO dan Caltex Rewards

**2. Apakah tempoh Kempen?**

Tempoh Kempen adalah 5 bulan dari 1 Ogos 2023 hingga 31 Disember 2023.

**3. Bagaimanakah stesen dikategorikan untuk Kempen ini?**

Stesen-stesen dikategorikan berdasarkan kawasan. Kawasan tersebut ialah:-

- Utara 1 - Perlis, Kedah
- Utara 2 - Penang, Perak
- Tengah - Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan
- Pantai Timur - Kelantan, Terengganu, Pahang
- Selatan - Johor, Melaka

**4. Bagaimanakah Pendaftaran Caltex Rewards dijejaki untuk Kempen ini?**

Pendaftaran Caltex Rewards dipantau melalui dua Kod QR Caltex Rewards yang unik di setiap stesen.

Mengimbas Kod QR unik pertama stesen ini akan membawa pelanggan ke laman web Caltex Malaysia untuk mendaftar secara dalam talian melalui telefon bimbit pelanggan.

Mengimbas kod QR unik kedua akan mengarahkan pelanggan ke Apple App Store atau Google Play Store telefon mereka untuk memuat turun aplikasi CaltexGO di mana mereka kemudian boleh terus mendaftar untuk Caltex Rewards.

**5. Apakah hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?**

Hadiah dibahagikan kepada dua kategori utama:

**Hadiah Kempen Keseluruhan**

Ini adalah hadiah untuk lima (5) stesen Caltex teratas untuk setiap kawasan dengan pendaftaran baharu Caltex Rewards tertinggi yang diperolehi melalui KEDUA-DUA Kod QR unik stesen.

Stesen perlu terlebih dahulu memenuhi sasaran BASE keseluruhan yang ditetapkan oleh Chevron untuk layak.

- Hadiah Pertama RM5,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
- Hadiah Ke-2 RM4,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
- Hadiah Ke-3 RM3,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
- Hadiah Ke-4 RM2,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
- Hadiah Ke-5 RM1,000 (x1) dalam bentuk wang tunai

*\*wang hadiah akan dikreditkan ke akaun stesen masing-masing.*

## **SOALAN LAZIM**

### **Kempen Insentif CSR Caltex Rewards 2023**

Pemenang Hadiah Pertama untuk setiap kawasan boleh memenangi Hadiah Bonus tambahan hanya jika mereka mencapai sasaran STRETCH untuk kawasan mereka. Hadiahnya adalah seperti berikut:-

- |  |                      |
|--|----------------------|
| - Pengurusan Stesen (Pengurus Stesen atau setaraf)                               | Apple iPad (x1 unit) |
| - CSR Stesen (pemilihan krew oleh Pengurusan Stesen berdasarkan ukuran prestasi) | Apple iPad (x1 unit) |

#### **Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan\*\***

Baucar KFC bernilai RM200 untuk setiap stesen pemenang (x10 stesen sebulan)

\*\*pemilihan berdasarkan SEMUA stesen Caltex yang mencapai sasaran bulanan BASE untuk bulan kalender tersebut. Sebagai contoh, stesen Caltex yang mencapai sasaran bulanan BASE bagi Ogos 2023 hanya layak menjadi sebahagian daripada Cabutan Bertuah Bulanan Ogos 2023.

*Nota: Sila rujuk Terma & Syarat Kempen untuk sasaran BASE dan STRETCH stesen anda.*

#### **6. Bilakah pemenang akan diumumkan? Bagaimanakah stesen akan menerima hadiah mereka?**

##### **Hadiah Kempen Keseluruhan**

Setelah pengesahan Pemenang Kempen Keseluruhan (berdasarkan pendaftaran Caltex Rewards baharu tertinggi yang diperoleh daripada Kedua-dua Kod QR Caltex Rewards unik Stesen) pada akhir Kempen, Chevron akan menghantar e-mel ke stesen yang menang. Senarai pemenang juga akan diterbitkan di laman Caltex Retail Buzz.

Setelah pengesahan Pemenang Kempen Keseluruhan (berdasarkan jumlah muat turun) pada akhir Kempen, Chevron akan menghantar e-mel ke stesen pemenang.

RBC atau BMBC stesen pemenang akan diberikan hadiah "mock" dan hadiah sebenar untuk menyampaikan hadiah tersebut kepada Rakan Niaga atau Pengurus Stesen.

##### **Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan**

Setelah pengesahan Pemenang Cabutan Bertuah Bonus Bulanan setiap bulan, Chevron akan menghantar e-mel ke stesen pemenang. Senarai pemenang juga akan diterbitkan di laman Caltex Retail Buzz.

Baucar KFC bernilai RM200 akan dihantar melalui kurier ke stesen pemenang.

#### **7. Sekiranya pelanggan mendaftar untuk Caltex Rewards tanpa mengimbas salah satu Kod QR Caltex Rewards unik stesen, adakah pendaftaran Caltex Rewards akan dikira sebagai sebahagian daripada sasaran stesen untuk Kempen ini?**

TIDAK. Hanya pendaftaran Caltex Rewards baharu yang diperolehi melalui salah satu Kod QR Caltex Rewards unik stesen akan dikira.

#### **8. Sekiranya stesen tidak mencapai salah satu sasaran BASE bulanan, adakah stesen masih layak untuk Hadiah Kempen Keseluruhan jika mereka mencapai sasaran BASE kempen keseluruhan?**

YA. Stesen akan layak untuk Hadiah Kempen Keseluruhan selagi ia mencapai sasaran BASE kempen keseluruhan. Sasaran BASE bulanan adalah untuk stesen layak untuk Hadiah Cabutan Bertuah Bulanan.

## **SOALAN LAZIM**

### **Kempen Insentif CSR Caltex Rewards 2023**

9. **Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya perlu mengetahui jumlah Pendaftaran Caltex Rewards baharu yang untuk stesen saya?**

Chevron akan menyediakan laporan Pendaftaran Caltex Rewards pada 16hb bulan (untuk tempoh 1 hingga 15hb bulan) dan 1hb bulan berikutnya (untuk tempoh 16 hingga 30/31hb bulan). Maklumat sulit ini hanya untuk nombor WhatsApp berdaftar yang disenaraikan dalam Direktori Stesen Caltex seperti yang disediakan oleh Chevron. Nombor-nombor yang lain perlu disahkan terlebih dahulu oleh Chevron Malaysia.

10. **Sekiranya pelanggan mendaftar untuk Caltex Rewards dengan mengimbas Kod QR unik yang digunakan oleh Troopers semasa acara di stesen, adakah angka pendaftaran Caltex Rewards tersebut akan dikira sebagai sebahagian daripada sasaran stesen untuk Kempen ini?**

TIDAK. Pasukan Troopers mempunyai sasaran mereka sendiri yang dikira secara berasingan. Hanya pendaftaran Caltex Rewards yang diperolehi melalui Kod QR Caltex Rewards unik stesen akan dikira sebagai sasaran stesen.

11. **Sekiranya stesen mempunyai rekod pendaftaran pelanggan Caltex Rewards sendiri semasa tempoh Kempen, bolehkah rekod ini dikira sebagai sebahagian daripada sasaran stesen untuk Kempen ini?**

TIDAK. Hanya pendaftaran Caltex Rewards yang diperolehi melalui Kod QR Caltex Rewards unik stesen dan dipantau oleh Chevron Malaysia akan digunakan sebagai nombor rasmi untuk kempen ini.

Stesen boleh mendapatkan sokongan Kempen melalui dua kaedah:-

**SOKONGAN SUARA / TELEFON** - Stesen boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Caltex Malaysia di talian 1800 88 3188

**SOKONGAN TEKS/SEMBANG SAHAJA (melalui WhatsApp)** - Stesen-stesen boleh menghubungi Penyelaras Projek di Talian Sokongan Kempen Caltex Rewards (WhatsApp # 6011-5888 4181) berdasarkan masa/hari bekerja berikut:- 9 pagi - 5 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali hujung minggu & Cuti Umum sepanjang tempoh kempen. Sekiranya ada, penyelaras akan memberikan maklumat yang tersedia. Pertanyaan lain akan diajukan kepada Jabatan Pemasaran untuk mendapatkan informasi.

Semua maklumat dan kemas kini Kempen, termasuk pengumuman pemenang, akan diterbitkan di laman Caltex Retail Buzz ([www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my))